



SIARAN MEDIA

ISU GANGGUAN BEKALAN AIR DI KAWASAN STUMBIN DAN TANJUNG BIJAT

SRI AMAN, 16 Mac 2026: Pihak Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) Sarawak mengambil maklum berkenaan isu gangguan bekalan air yang berlaku di kawasan Stumbin dan Tanjung Bijat di Bahagian Sri Aman. Buat makluman, permintaan bekalan air di kawasan tersebut kini semakin meningkat sehingga melebihi kapasiti Loji Rawatan Air (LRA) Stumbin yang hanya mampu menghasilkan sekitar 0.65 Juta Liter Sehari (JLS). Keadaan ini menyebabkan loji tersebut tidak dapat menampung sepenuhnya keperluan bekalan air semasa. Sehubungan itu, bekalan air tambahan sebanyak 2 JLS perlu disalurkan dari LRA Bayai ke LRA Stumbin. Bekalan air ini disalurkan melalui Tangki Takungan Bayai serta rangkaian paip sepanjang kira-kira 35 kilometer bagi menampung keperluan pengguna di kawasan yang tersebut.

Hasil pemeriksaan dan pemantauan di lapangan oleh pihak teknikal JBALB mendapati bahawa kekerapan gangguan bekalan air berpunca daripada isu pada jajaran paip, termasuk kebocoran saluran paip serta pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan. Adalah dimaklumkan juga bahawa terdapat projek pembesaran jalan di Bandar Sri Aman yang sedang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR). Sebahagian besar jajaran paip yang menyalurkan bekalan air dari Tangki Takungan Bayai ke Loji Stumbin terletak di dalam kawasan projek tersebut. Sehubungan itu, sekiranya berlaku kejadian paip bocor semasa kerja-kerja pembinaan dijalankan, atau sekiranya penutupan injap perlu dilaksanakan bagi tujuan kerja pembaikan serta *interconnection works*, keadaan ini berpotensi mengganggu sistem bekalan air sedia ada di kawasan berkenaan.

Dalam usaha menstabilkan bekalan air, pihak JBALB telah melaksanakan beberapa tindakan segera, antaranya: melaksanakan pemeriksaan berterusan di sepanjang jajaran paip, khususnya di kawasan yang sedang menjalankan kerja-kerja pembangunan, memeriksa keadaan kesemua injap dan kedudukan bukaan di sepanjang jajaran paip, menukar injap yang disyaki uzur serta membaiki paip yang mengalami kerosakan, memasang *Double Air Valve (DAV)* pada *diversion*

pipe di kawasan berbukit dalam tapak projek pembinaan Jalan Astana bagi mengatasi kemungkinan berlakunya air lock dalam sistem paip serta, membina satu *alternative diversion pipe* di kawasan Peace Park, Jalan Astana bagi membantu menstabilkan sistem agihan dan menambahbaik bekalan air ke kawasan terjejas.

Selain itu juga, pihak JBALB juga terus melakukan penghantaran bekalan air ke kawasan terjejas dengan menggunakan lori tangki di samping mewujudkan pusat pengumpulan air berpusat (*Centralized Water Collection Centre*) di beberapa kawasan strategik bagi memudahkan pengguna yang terjejas untuk terus mendapatkan bekalan air.

JBALB Sarawak ingin merakamkan penghargaan atas kesabaran dan kerjasama penduduk di kawasan terjejas sepanjang tempoh kerja-kerja pemulihan bekalan air dilaksanakan. Pihak JBALB komited untuk memastikan segala usaha diambil bagi memulihkan bekalan air dengan secepat mungkin serta terus memperkukuh sistem bekalan air bagi kesejahteraan rakyat Sarawak.

Sebarang perkembangan terkini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa melalui saluran rasmi JBALB Sarawak dan para pengguna boleh terus menghubungi JBALB Call Centre di Talian 082-262211 bagi sebarang aduan dan pertanyaan.

- TAMAT -

JABATAN BEKALAN AIR LUAR BANDAR SARAWAK



(a) Kerja *Flushing* di lakukan untuk membuang *Air Lock* di sepanjang jajaran paip dari Sri Aman ke Stumbin.



(b) Kerja -kerja pemeriksaan paip, injap dan lain – lain kelengkapan. Kerja menyelenggara DAV dan penggantian segera injap telah dilakukan.



(c) Paip asal bersaiz 350mm DI Pipe yang pecah di dalam tapak pembinaan di Jalan Astana



(d) *Pipe Diversion* bersaiz 350mm telah dipasang pihak kontraktor pembinaan jalan untuk menggantikan laluan paip asal bersaiz 350mm DI Pipe yang pecah.




(i)



(ii)



(iii)



(iv)

(e)(i) Pemasangan Double Air Valve (DAV) pada diversion pipe di kawasan berbukit dalam tapak projek pembinaan Jalan Astana bagi mengatasi kemungkinan berlakunya air lock dalam sistem paip.

(e)(ii)-(iv) Membina alternative diversion pipe di kawasan Peace Park, Jalan Astana bagi membantu menstabilkan sistem agihan dan menambahbaik bekalan air ke kawasan terjejas.